

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF  
[ JEMPOL ]**

**TARIKH : 16 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan perancangan masa hadapan berkaitan pembangunan satelit bagi tujuan keselamatan dan kedaulatan negara, memandangkan Malaysia masih belum mengoperasikan satelit sendiri pada masa ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,**

1. Penggunaan satelit dalam mempertingkatkan dan memperkukuh sistem pertahanan negara adalah amat penting. Keupayaan satelit *remote sensing* yang dapat membekalkan imej terkini maklumat dan aktiviti di permukaan bumi secara berterusan bagi kawasan sasaran penting dan sensitif membolehkan aktiviti pemantauan, peninjauan dan risikan (*reconnaissance*) yang lebih berkesan. Secara langsung, ini dapat memastikan tindakan seperti pencegahan dan penguatkuasaan oleh pihak berkuasa dapat dilaksanakan secara lebih menyeluruh termasuk pencegahan pencerobohan pesisir pantai, sempadan, kawasan sasaran penting negara seperti kem tentera dan pusat risikan serta kawasan sensitif alam sekitar.

2. Selaras dengan Teras 2 di bawah Dasar Angkasa Negara 2030 (DAN2030) iaitu Menumpukan kepada Teknologi, Infstruktur dan Aplikasi Angkasa yang Signifikan kepada Negara, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) akan meneruskan kesinambungan Program Pembangunan Satelit Penderiaan Jauh Negara (PSPJN) bagi tujuan keselamatan, ketenteraman awam, pertahanan, perisikan dan kedaulatan negara serta kelestarian pembangunan negara. Selain itu, sektor angkasa negara disasarkan dapat menyumbang sekurang-kurangnya 0.3% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) iaitu bersamaan RM3.2 bilion dan mewujudkan sehingga 5000 peluang pekerjaan baharu menjelang tahun 2030. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Ogos 2019 telah meluluskan Program PSPJN yang akan dilaksanakan secara *Request For Proposal* (RFP), dibuka kepada industri melalui *Private Public Partnership* (PPP) dengan tahap penglibatan *local content* yang optimum.

3. Program PSPJN adalah kesinambungan usaha Kerajaan dalam memastikan keupayaan dan kapasiti negara dalam bidang teknologi angkasa terus diperkasa termasuk meningkatkan sumber kepakaran tempatan. Program ini juga membuka peluang yang lebih luas kepada inisiatif kerjasama strategik di antara Kerajaan dengan pihak industri tempatan bagi memperkukuh ekosistem sektor angkasa agar lebih berdaya saing, kondusif bagi meneroka *space economy* dan mengurangkan kebergantungan negara terhadap pihak luar selain dapat memperkasakan dan memperkukuhkan keupayaan untuk berdikari (*self reliant*) dalam pembangunan satelit dan teknologi angkasa. Dokumen RFP dijangka akan ditawarkan kepada pihak industri selewatnya-lewatnya pada suku pertama tahun 2021 dan pelancaran satelit dijangka pada tahun 2024.

4. Program PSPJN adalah sebahagian daripada *roadmap Blueprint Malaysia Space Exploration 2030* (Malaysia Space-X 2030) yang dirangka MOSTI melalui MYSA bagi mencapai matlamat membangunkan keupayaan dan kemampuan untuk berdikari (*self reliant*) dalam pembangunan satelit dan teknologi angkasa dan dalam masa yang sama mengurangkan kebergantungan negara kepada pihak luar. *Blueprint* ini bertujuan mewujudkan ekosistem sektor angkasa negara yang

komprehensif, jangka masa panjang, melibatkan pembangun dan penggunaan teknologi angkasa yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan, pihak industri dan akademik bagi menjamin akses kepada keupayaan angkasa (*space capability*) dan menjadikan Malaysia sebuah negara maju berpendapatan tinggi. Selain PSPJN, *Blueprint* Malaysia Space-X 2030 turut merangkumi program dan inisiatif lain seperti Program Ekonomi Angkasa, Program Pembangunan Pelancar Berjarak Dekat, Program Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi (R,D,C&I) Sektor Angkasa, Program Global Navigation Satelit System (GNSS), dan Pemeriksaan Fasiliti Pemasangan, Integrasi dan Pengujian Satelit (AIT).

**Tuan Yang di-Pertua,**

5. *Blueprint* Malaysia Space-X 2030 khususnya Program PSPJN yang diterajui MOSTI melalui MYSA dengan penglibatan pelbagai agensi kerajaan dan pihak industri serta akademik akan dapat memperkukuhkan ekosistem sektor angkasa negara agar lebih berdaya saing dan kondusif serta dapat membangunkan keupayaan tempatan dalam membangun dan mengoperasikan satelit sendiri bagi tujuan keselamatan, ketenteraman awam, pertahanan, perisikan dan kedaulatan negara serta kelestarian pembangunan dan pengurusan sumber negara.

Sekian, terima kasih.